

Media Title : Harian Metro
Headline : Wang Tabung Haji RM88k lesap diperdaya sindiket 'phone scam'
Date : 21 December 2025
Section : Lokal
Page : 7



Wang Tabung Haji RM88k lesap diperdaya sindiket 'phone scam'

Kuala Terengganu: Wang Tabung Haji milik pesara kerajaan dan simpanan isterinya keseluruhan RM88,000 lesap selepas diperdaya sindiket 'phone scam'.

Ketua Polis Daerah Kuala Terengganu Asisten Komisioner Azli Mohd Noor berkata pada 2 Disember lalu, mangsa lelaki berusia 75 tahun dihubungi suspek yang menyamar pegawai polis dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Petaling Jaya, Selangor.

Beliau berkata, suspek mendakwa warga emas itu yang berasal dari Manir di sini, terbabit dalam aktiviti pengubahan wang haram, sebelum panggilannya di-

sambungkan kepada rakan suspek yang menyamar sebagai pendakwa raya.

"Suspek meminta mangsa membayar sejumlah wang bagi menyelesaikan kes terbabit untuk mengelak ditangkap.

"Mangsa yang panik telah membuat beberapa kali transaksi berjumlah RM88,000 dari 4 Disember hingga Khamis lalu, menggunakan wang Tabung Haji dan simpanan milik isterinya," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Azli berkata, untuk mengelak dikesan, suspek mengarahkan mangsa mengoyak resit bank kononnya atas faktor keselamatannya.